NAMA: TINGKATAN:

LATIHAN KATA HUBUNG

Kata hubung ialah perkataan yang digunakan untuk menggabungkan kata, frasa dan ayat.
连词是用来连接词语、短语和句子的词。

Kata hubung	Penggunaan	Contoh ayat
dan 和	Menggabungkan dua benda yang sama dan setara. 连接两样相同的东西。	Abu dan adiknya berjalan kaki ke sekolah.
atau 或	Menunjukkan pilihan. 表示供选择。	Kamu suka warna biru atau hijau?
sambil 一面	Menunjukkan dua aktiviti yang dilakukan serentak. 表示同时进行两种活动。	Abang menunggang basikal sambil bersiul-siul.
kerana 因为	Menunjukkan sebab. 表示原因。	Kaki Siti bengkak kerana digigit semut.
tetapi 但是	Menunjukkan sesuatu yang berlawanan. 表示相反的事情。	Orang itu kaya tetapi kedekut.
lalu 接着	Menunjukkan perbuatan yang dilakukan berturut-turut. 表示连续进行的动作。	Dia mengutip sampah lalu membuangnya ke dalam tong sampah.

Pilih jawapan yang paling sesuai untuk mengisi tempat kosong di bawah.

1. Kemalangan itu melibatkan sebuah motosikal _____ sebuah lori.
A atau
B hingga
C dan
D kecuali

2. Kakinya bengkak _____ disengat oleh seekor lebah.
A kerana
B agar
C tetapi
D kalau

3. Shaurah membuat laporan polis _____ mendapati kad pengenalannya hilang.
A sebelum
B setelah
C sungguhpun
D kecuali

4. Puan Murni bukan sahaja tekun bekerja _____ dia juga seorang suri rumah tangga yang baik.
A malahan
B dan
C bahawa
D kerana

5. Klinik Muslimah beroperasi 18 jam setiap hari _____ hari Ahad.
A kecuali
B atau
C dan
D selepas

6. Pekerja bengkel itu sedang membaiki kereta _____ pengurusnya sedang melayan pelanggan.
A bahawa
B manakala
C atau
D sambil

7. Mesyuarat tergempar itu berlanjutan _____ ke tengah malam. A selepas
B sebelum
C lalu
D hingga

8. Pokok itu tumbang _____ hujan turun dengan lebat.
A melainkan
B semasa
C seraya
D agar

9. Nabil minum empat gelas air _____ terlalu dahaga.
A meskipun
B tetapi
C kerana
D supaya

10. Banjir _____ gempa bumi merupakan bencana alam yang sering berlaku di sesetengah negara.
A seraya
B dan
C hingga
D kecuali

LIVEWORKSHEETS